

**UCAPAN DASAR KETUA BAHAGIAN N5 TANDEK**  
**YB DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI**  
**SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERINGKAT BAHAGIAN**  
**19HB MEI 2011, KOTA MARUDU**

1. Selamat petang dan salam bersatu kepada semua perwakilan, datuk-datuk, datin-datin , tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita bersyukur kerana dapat bertemu setiap tahun dalam suasana kekeluargaan dalam parti dan perjuangan kita. Saya turut mengucapkan berbanyak terima kasih diatas sokongan yang diberikan oleh Pengerusi Tetap kita YB Datuk Radin Malleh kerana setia untuk bersama dengan kita setiap tahun di N5 Tandek.

*Tuan-tuan dan puan-puan para perwakilan sekalian,*

2. Tahun ini PBS telah mencapai usia 26 tahun dalam perjuangan politiknya di negeri Sabah. Kita merasa bangga kerana menjadi sebahagian daripada sebuah parti yang diasaskan di negeri Sabah dan masih berdiri teguh hingga ke hari ini. Kita tahu bahawa ramai pejuang-pejuang parti daripada bahagian N5 Tandek ini turut merasa dan mengalami pengalaman pahit manis dalam perjuangan selama ini.
3. Pada tahun yang lalu YB Tan Sri Presiden telah mengajak kita untuk mengimbuai semula perjuangan yang telah ditempuhi dengan harapan agar kita boleh mempelajari sesuatu. Cabaran dan rintangan yang dihadapi bukanlah mudah. Namun kerana berkat kegigihan dan kesungguhan untuk melihat perubahan, para pengasas parti ini terutamanya YB Tan Sri Presiden, telah membentuk sebuah parti yang cukup disegani iaitu Parti Bersatu Sabah.
4. Apa yang telah dimulakan dengan baik, haruslah dijaga dan dirawati dengan sebaik mungkin. Oleh itu, tidak ada seorangpun yang terkecuali daripada mandat dan tanggungjawab ini. Selaku ketua bahagian dan juga Timbalan Presiden parti, saya bersama-sama dengan pemimpin yang lain memikul

tugas dan tanggungjawab untuk memastikan bendera pbs terus berkebar dan dihormati oleh orang luar. Demikian juga saudara dan saudari sekalian. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kita bersama. Kita harus berpegang kepada keyakinan bahawa nasib dan masa depan kita terjamin di dalam PBS sebuah parti berbilang kaum. Oleh itu, semangat dan sokongan kita haruslah berkobar-kobar untuk memperkukuhkan lagi parti yang kita cintai ini.

5. Seperti yang kita semua maklum, saya sendiri memulakan perjuangan dalam parti pada waktu PBS dalam pembangkang dan di luar Barisan Nasional. Saya masih ingat bagaimana kuatnya semangat para penyokong pada masa itu. Tanpa takut dan gentar mendokong dan mengangkat PBS walaupun berhadapan dengan cabaran yang besar. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah SEMANGAT kita pada masa itu yang mencetuskan suatu fenomena.
6. Semangat dan kesungguhan tersebut amat ketara. Meskipun para penyokong dinafikan daripada segala bentuk bantuan dan pembangunan namun ianya diterima dengan rela. Semangat sebegitulah yang membuatkan parti kita masih wujud hingga ke hari ini. Semangat kecintaan terhadap PBS inilah yang harus kita jaga dan kekalkan.
7. Sungguhpun begitu saudara dan saudari sekalian, saya melihat bahawa semangat yang saya maksudkan itu seakan-akan mulai terhakis di hati kita dan para penyokong pada masa ini. Apakah kerana kita sudah mulai leka dan dibuai mimpi kerana terlalu banyak menerima bantuan. Perbualan para ahli bukan lagi untuk memperkuatkan parti tetapi barangkali sibuk dengan agenda sendiri atau paling menyedihkan terlibat dalam perselisihan sesama ahli parti kerana merebut peluang-peluang yang semakin bertambah.

*Tuan-tuan dan puan-puan para perwakilan,*

8. Sepuluh tahun yang lalu iaitu dalam kongres PBS yang ke-16 (2001), para perwakilan telah bersetuju dengan sebulat suara agar PBS kembali ke pangkuan Barisan Nasional, harapan para pemimpin tertinggi parti pada

masa itu ialah untuk melihat PBS terus berjuang dengan penuh semangat bagi masa depan generasi kita dan rakyat Sabah. Kepimpinan tertinggi melihat bahawa rakyat mengalami kesusahan yang besar dalam proses tersebut. Atas pertimbangan inilah maka sekarang ini PBS telahpun kembali berjuang dalam arus perdana politik tanahair.

9. Harapan saya ialah untuk melihat bahagian N5 Tandek berkembang dan turut menjadi dewasa dengan peredaran masa. Terdapat banyak perkara yang perlu kita tingkatkan dan perbaiki. Dahulunya kita bercakap sebagai pembangkang dan kita bertindak sebagai pembangkang. Tetapi sekarang kita telah menjadi sebahagian daripada keluarga dalam Barisan Nasional dan mempunyai saluran yang khusus untuk menyampaikan segala keperluan ataupun ketidakpuasan hati kita atau pun keluhan rakyat di kawasan ini.
10. Terdapat banyak suara-suara yang mengatakan bahawa PBS telah lari dari perjuangan asalnya. Suka saya tekankan di sini bahawa kita masih dilandaskan perjuangan asal parti yakni memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat di negeri ini selain memperjuangkan kemajuan kita secara keseluruhan. Perjuangan PBS dari dulu adalah sama dan sekarang ini nyata selari dengan aspirasi YAB Perdana Menteri Malaysia pada masa ini yang telah membawa satu gagasan yang kita semua ketahui iaitu 1Malaysia, rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan.
11. Intipati daripada semuanya ini berbalik kepada diri kita dan para penyokong sekalian. Sudah tiba waktunya untuk kita memperluaskan pandangan dan *horizon* kita. Tidak cukup untuk mengetahui hal kota marudu semata-mata tetapi kita hendaklah bersedia untuk berubah dan belajar. Sekarang ini dunia bukan lagi seperti pada tahun 80an atau awal 90an. Sekarang ini adalah zaman baru yang dipanggil millenium baru.
12. Manusia melakukan pekerjaan atau berkomunikasi dengan cara yang berbeza. Komponen terpenting di sini ialah pendidikan, pendidikan dan pendidikan. Saya ingin menyeru para penyokong khususnya para perwakilan pada hari ini supaya mulai menyedari akan perubahan-perubahan pantas

yang sedang berlaku dalam persekitaran kita. Jika kita gagal berbuat demikian, maka kita akan dipinggirkan daripada arus perdana dan global yang sedang menerajui dunia moden pada masa ini.

13. Inilah masanya untuk kita bangkit dan memperkukuhkan identiti kita yakni satu bangsa yang maju dan berdaya saing. Kita harus berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakan-rakan kita yang lain dari negeri-negeri yang telah maju. Kita patut berlari dan bukan lagi berjalan untuk mengejar perubahan dalam pelbagai bidang. PBS dan para penyokong khususnya dalam bahagian N5 Tandek harus mengambil inisiatif untuk bergerak lebih maju.
14. Pada masa ini, kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak telah memperkenalkan banyak inisiatif untuk mentransformasi Negara ini dalam pelbagai bidang. Sebagai makluman para perwakilan semua, terdapat dua inisiatif penting yang perlu kita ketahui iaitu Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Di bawah Program Transformasi Kerajaan, Perdana Menteri telah mengenal pasti enam (6) bidang keberhasilan utama Negara yang diterajui oleh enam orang Menteri Kabinet.
15. Daripada enam bidang keberhasilan utama tersebut, terdapat dua bidang yang mempunyai kaitan rapat dalam proses pelaksanaannya di kawasan luar Bandar iaitu memperbaiki dan meningkatkan mutu infrastruktur asas di luar Bandar yang diketuai oleh YB Datuk Seri Shafie Afdal dan yang seterusnya meningkatkan pendapatan isirumah berpendapatan rendah yang diketuai oleh Dato' Seri Sharizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga.
16. Setakat ini kita telah melihat kesan daripada pelaksanaan inisiatif ini di mana terlaksananya program-program bantuan rumah dan program-program meningkatkan pendapatan di bawah Program Azam oleh Kementerian Dato' Seri Sharizat dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah YB Datuk Seri Shafie Afdal.

17. Bantuan-bantuan dalam skala besar dan menyeluruh belum pernah diwujudkan sebelum ini. Ianya terhasil daripada keinginan pihak kerajaan untuk membantu golongan miskin di luar Bandar agar kita dapat sama-sama bergerak ke arah Negara maju pada tahun 2020. Kita sangat berterima kasih kepada pihak kerajaan persekutuan dan juga negeri kerana kerjasama yang baik ini telah memberikan manfaat yang besar kepada penduduk di luar Bandar dan di daerah Kota Marudu khususnya.
18. Sejak penggal lalu dan penggal sekarang ini, kita telah melihat pelbagai perubahan dan pembangunan ketara di daerah Kota Marudu dan kawasan Tandek. Misalnya pembinaan jalan raya utama yang menghubungkan antara daerah seperti Jalan Marak-parak – Poring Ranau dan naiktaraf Jalan Simpangan menuju ke Taiwan dan Jalan Radu yang pastinya telah memberikan manfaat kepada kita semua.
19. Selain daripada itu, kerajaan juga telah berusaha untuk mengurangkan masalah air di kawasan ini dengan penyambungan beberapa bekalan air paip ke kampung-kampung seperti Kg. Popok Darat, Kg. Mangkalua, Kg. Simpangan dan Kg. Talantang sejak 2009 yang lalu. Ini tidak termasuk kampung-kampung yang menerima bekalan air alternatif (graviti) yang mana kerajaan turut membelanjakan peruntukan yang agak besar demi kebajikan rakyat dan para penyokong sekalian.
20. Pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil luar Bandar turut memperlengkapkan usaha kerajaan Barisan Nasional di kawasan ini. Kita telah melaksanakan tidak kurang daripada 300 buah projek kecil di bawah Projek Infrastruktur Awam dan Projek Infrastruktur Asas (PIA/PIAS). Projek seumpama ini biasanya dilaksanakan melalui proses undian untuk memberikan peluang kepada kontraktor-kontraktor penyokong kerajaan.
21. Saya yakin semua kampung dalam kawasan N5 Tandek telah menerima sekurang-kurangnya satu daripada projek kecil pembangunan tersebut. Setiap tahun kita juga mengagihkan peruntukan di bawah peruntukan ahli parlimen dan menteri. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk

menyelesaikan masalah-masalah kecil yang perlu ditangani segera. Dalam hal inipun saya percaya kita telah mendapat sedikit sebanyak manfaat.

22. Memang kita tidak nafikan bahawa masih banyak lagi perkara yang perlu dilakukan tetapi ibarat kata pepatah inggeris 'perjalanan beribu batu bermula dengan satu langkah'. Rakyat dan seluruh lapisan masyarakat termasuk para penjawat awam dan sector swasta (peniaga) perlulah bekerjasama untuk menjadikan Kota Marudu lebih maju atau kawasan N5 Tandek yang lebih berdaya maju.
23. Kemajuan sememangnya sesuatu yang boleh diukur namun kita ketahui bahawa komponen terpenting dalam proses kita mencapai kemajuan ialah modal insan yang berkemahiran tinggi. Kita mempunyai kemudahan yang cukup baik untuk mempertingkatkan lagi kualiti modal insan di kawasan ini. Kerajaan telah menyediakan empat buah sekolah menengah yang mana salah satunya masih menumpang tetapi telahpun diumumkan kelulusannya di daerah ini pada tahun lalu oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin semasa lawatan beliau di daerah ini. Kita belum selesai dengan apa yang ingin kita lakukan di daerah dan kawasan ini. Perjalanan kita masih jauh dan memerlukan kerjasama serta sokongan semua pihak.
24. Salah satu daripada perkara yang boleh dan perlu kita lakukan bersama ialah mendorong anak-anak kita untuk belajar dengan lebih gigih dan serius dalam pelajaran mereka. Saya pernah mensasarkan agar setiap keluarga atau setiap kampung dalam kawasan ini sekurang-kurangnya mempunyai seorang ahli keluarga yang memegang ijazah. Saya boleh katakan bahawa visi ini sudah hampir tercapai tetapi belum sepenuhnya.
25. Hal inilah yang perlu kita pertingkatkan. Kita tidak seharusnya berhenti setakat mencapai suatu sijil atau ijazah tetapi golongan berpendidikan ini harus tahu bagaimana untuk menyumbang semula kepada keluarga, komuniti dan kerajaan. Sumbangan yang dimaksudkan tidaklah semata-mata terbatas kepada keinginan untuk menjadi calon dalam pilihanraya. Tetapi ianya lebih daripada itu.

26. Golongan berpendidikan harus kreatif dan inovatif dalam pendekatan untuk membangunkan bangsa. Kaji latarbelakang masyarakat kita dan lihat apakah hal terbaik yang boleh dilakukan. Kita ada seluruh daerah dan kawasan ini untuk diterokai. Lakukan sesuatu yang berfaedah selain daripada memperkatakan sesuatu yang buruk mengenai orang lain. Saya yakin kita boleh mengubah nasib dan masa depan kawasan ini jika kita tahu menggunakan ilmu dan teori yang telah dipelajari.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

27. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk memberikan yang terbaik kepada kawasan ini. Sambil mengingat bahawa perjuangan politik kita belum selesai. Tugas besar sedang untuk mempersiapkan jentera pada pilihanraya umum akan datang sedang menanti kita. Kita harus bergerak dan bekerja keras agar kawasan ini dipertahankan. Sekian dan salam Bersatu.